

11/12/1997

Cuepacs sokong langkah beku kenaikan gaji kumpulan A, B

KOTA KINABALU, Rabu - Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Cawangan Sabah menyokong keputusan Cuepacs Pusat berhubung langkah Kerajaan Persekutuan membekukan kenaikan gaji tahunan kakitangan awam Kumpulan A dan B.

Timbalan Pengerusi Cuepacs Sabah, Awang Shabuddin Awang Damit, berkata justeru, Cuepacs Sabah akan mengikut langkah diputuskan Cuepacs Pusat mengenai perkara itu.

"Kami akan tunggu perkembangan terbaru dengan Cuepacs Sabah akan menyokong keputusan dicapai berhubung perkara itu," katanya mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perkara itu, hari ini.

Kelmarin, Anwar mengumumkan langkah baru kerajaan menangani isu kemelesetan mata wang ringgit, antaranya menerusi pembekuan kenaikan gaji kakitangan awam dalam Kumpulan A dan B sehingga ekonomi negara pulih.

Selain itu, menurut beliau, pemotongan gaji sebanyak 10 peratus akan juga dilakukan terhadap semua menteri dan timbalan menteri sebagai menjayakan hasrat berkenaan.

Bagaimanapun, Awang Shabuddin berpendapat kenaikan gaji tahunan untuk kakitangan awam tidak wajar dibekukan, tetapi memandangkan soal ekonomi negara yang terjejas, tindakan itu baik.

"Cuepacs sedar kerajaan bertindak demikian kerana mahu memulihkan ekonomi dan sebagai rakyat negara ini, semua pihak wajar bersedia berkorban dalam apa juga tindakan," katanya.

Ketua Umno Bahagian Tuaran, Datuk Hajiji Mohd Noor, pula menyokong langkah yang diambil kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam pembekuan gaji kakitangan awam Kumpulan A dan B.

"Bagi Umno Tuaran, saya menyokong usaha baik kerajaan itu yang tidak seharusnya dianggap penjawat jawatan awam sebagai sengaja dan menjejaskan khidmat mereka," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam menangani kemelut ekonomi yang berlaku sekarang.

Pegawai Kanan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Tuaran, Perman Abu Bakar, pula berkata tindakan kerajaan itu bermakna pendapatan bersih sebahagian besar kakitangan kerajaan akan kurang selepas pembekuan dilaksanakan, tahun depan.

Katanya, tindakan itu akan mengurangkan kuasa beli kakitangan kerajaan ketika nilai barangan keperluan meningkat selepas nilai mata wang negara mengalami kejatuhan.

(END)